

# Perbadanan berenakmen di MAINS

**SEREMBAN** - Negeri Sembilan bakal menjadi satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai perbadanan secara berenakmen di Majlis Agama Islam.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, perbadanan secara berenakmen yang diwujudkan itu nanti akan dapat memperkukuhkan lagi sistem pentadbiran Islam dengan penuh tertib supaya dapat diurus dengan baik dan konsisten.

"Oleh demikian, kerajaan negeri akan kemukakan rang undang-undang enakmen baharu bagi sistem pentadbiran Islam ke Dewan Undangan Negeri (DUN) yang akan



**Mohamad (lima dari kanan) menyampaikan sumbangan kerajaan negeri sebanyak RM300,000 kepada USIM.**

bersidang pada 4 Disember nanti.

"Dalam pada itu, kerajaan negeri juga dijangka akan meminda rang undang-undang sedia ada khususnya berkenaan

dengan mualaf," katanya ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Menteri Besar bersama pengurusan dan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Palm Mall,

lewat petang kelmarin.

Pada majlis itu, Mohamad turut menyampaikan sumbangan kerajaan negeri sebanyak RM300,000 kepada USIM.